

Banjir: MB buka ruang penyelidikan

KOTA BHARU - Kerajaan negeri buka peluang mana-mana pihak buat penyelidikan dalam proses penyelesaian lebih berkesan dalam isu banjir yang melanda negeri ini setiap tahun.

Menteri Besar, Datuk Ahmad Yakob berkata, ia antara usaha dan perancangan jangka pendek serta panjang pihak kerajaan bagi membangunkan semula ekonomi dan prasarana mangsa banjir yang musnah, akhir tahun lalu.

“Kita akan bekerjasama terutama dengan Jabatan Pengaliran dan Saliran (JPS) bagi memastikan kita ada persediaan lebih praktikal jika berlakunya banjir selepas ini,” katanya.